

LAPORAN PELAYANAN MISI DAN PENGINJILAN LEMBAGA PELAYANAN BAHASA MALAYSIA & ORANG ASLI 2023

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengurus LPBM & OA, Revd. Juining Babia dan AJK yang memberi kepercayaan kepada saya untuk menangani Pelayanan Misi dan Penginjilan pada bulan Jun 2023.

Disini saya melaporkan beberapa aktiviti-aktiviti penginjilan yang telah dilaksanakan pada tahun ini dengan kasih anugerah Tuhan.

AKTIVITI PENGINJILAN SECARA MINGGUAN DAN HARIAN (PENGINJILAN DIGABUNGKAN MEMBAKAR JIMAT, DOA PEMULIHAN KELUARGA DAN PERLEPASAN (PHD MINISTRY)

Aktiviti penginjilan secara mingguan dan harian di gereja mahupun semasa lawatan ke rumah orang Sabah dan Sarawak yang belum pernah datang ke gereja. Selain daripada itu, jika ada kesempatan baik dalam menyampaikan Firman Tuhan untuk konfrensi, seminar, bengkel dan acara pengebumian yang dibuat secara besar-besaran, unsur penginjilan iaitu tentang untuk berdoa menerima Tuhan Yesus sebagai penyelamat dan Tuhan secara peribadi kepada sesiapa yang belum yakin bahawa sudah menerima Tuhan Yesus telah dilakukan oleh Revd. Juining dan saya.



LATIHAN PENGINJILAN SECARA PERIBADI MAHUPUN KEMPULAN MENGGUNAKAN KEDAH BUKU KECIL EMPAT HUKUM ROHANI.

Pada 30hb April dan 27hb Ogos 2023, atas permintaan ketua muda-mudi English Youth di Gereja St. Paul's Petaling Jaya, latihan penginjilan secara teori dan praktikal telah dilaksanakan oleh Puan Anna A Juining dalam bahasa English dan Bahasa Malaysia dengan dibantu oleh muda-mudi dari pelayanan BM BOH yang telah dilatih dalam penginjilan. Seramai 23 orang muda-mudi dilatih dalam penginjilan.



MINI MISI PENGINJILAN TELAH DIADAKAN DI KAMPUNG ORANG ASLI KOLAM AIR DENGKIL

Pada 9hb September 2023, bersama dengan muda-mudi English dari St. Paul's Petaling Jaya yang diketuai oleh Dss. Zaharah dan dengan kerjasama dari Pastor Aidil dengan team dari St.Paul's Chapel, Alam Jaya dan ketua Misi iaitu Bro. Dian dari St. Katherine's Kajang bersama jemaatnya telah mengadakan persekutuan dan penginjilan di Kampung Orang Asli, Kolam Air di Dengkil. Saya membawa team muda-mudi dari Pelayanan BM BOH untuk membantu saya memantau muda-mudi yang menginjil. Seramai 23 orang kami yang hadir. Seramai 16 orang Asli yang telah diinjili (dewasa dan kanak-kanak). Ini adalah pengalaman yang baru bagi muda-mudi English dan mereka sangat merasa teruja untuk mengikuti misi lagi pada masa akan datang.



TRAIN THE TRAINERS (DWM SCHOOL OF PRAYER COUNSELLING AND HEALING)

Pada 25hb September hingga 6hb Oktober 2023, selama 10 hari saya dan Revd. Juining Babia telah dipilih untuk mengikuti latihan Train the Trainers di Gereja St. James' Sentul. Seramai 24 orang kami telah dilengkapi pensyarah dari Raphah School of Prayer Counselling and Healing dan selepas tamat latihan ini kami perlu mengikuti 3 kali tutorial yang diadakan secara zoom seminggu sekali. Lewat daripada latihan ini, kami dilengkapi untuk lebih efektif lagi melaksanakan pelayanan PHD (Preaching, Healing and Delieverance).




KEBAKTIAN KEBANGUNAN ROHANI

Bekerjasama dengan Pelayanan BM BOH, kami telah mengadakan Kebaktian Kebangunan Rohani pada 28hb Oktober 2023 (Sabtu) di Beacon of Hope, Sri Manja, Selangor. Revd. Frank Lin telah dijemput untuk menjadi pengkhutbah pada masa itu. Seramai 48 orang yang hadir. Lewat daripada KKR ini, ramai yang mengalami kelukaan batin dan emosi dipulihkan agar lebih efektif dalam pelayanan Tuhan.



LATIHAN PENGINJILAN DI PELAYANAN BM BOH SELANGOR DAN DI GEREJA ST. LUKE'S, KLUANG DI KALANGAN MUDA-MUDI DAN KANAK-KANAK

Latihan Penginjilan dilakukan oleh komiti yang telah terlatih untuk mengajar muda-mudi BM BOH bagaimana cara mengongsikan Injil (Khabar Baik) dengan mudah dengan menggunakan buku kecil Empat Hukum Rohani. Muda-mudi pula mengajar kanak-kanak Sekolah Minggu bagaimana memberitakan Injil kepada kawan-kawan mereka sesuaian dengan 2 Timotius 2:2.



LAWATAN, PELAYANAN DI KAMPUNG ORANG ASLI

Harapan dan doa kita lewat dari pelayanan dan lawatan ke tiga buah kampong Orang Asli di Kampung Sungai Rasau, Puchong, Selangor, Kampung Kolam Air, Dengkil, Selangor dan Kampung Tanah Runtuh, Kluang Johor akan terjadinya penanaman gereja Anglikan di tempat-tempat ini dengan kerjasama gereja-gereja yang berdekatan.



Roma 10:8-17 AVB Alkitab Versi Borneo

Apakah yang dikatakan? "Firman itu begitu dekat denganmu, di mulutmu dan dalam hatimu (iaitu firman tentang iman yang kami isytiharkan): Jika kamu akui dengan mulutmu bahawa Yesus ialah

Tuhan dan percaya dalam hatimu bahawa Allah telah membangkitkan-Nya daripada kematian, kamu akan diselamatkan; kerana dengan hatimu kamu beriman dan diperbenar, dan dengan mulutmu kamu mengaku lalu diselamatkan.” Sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci, “Sesiapa yang percaya kepada-Nya tidak akan diaibkan.” Kerana tidak ada perbezaan antara orang Yahudi dengan orang Yunani, kerana Tuhan yang sama berkuasa atas semuanya dan melimpahkan berkat ke atas semua yang menyeru kepada-Nya. Kerana “Sesiapa yang menyeru nama Tuhan akan diselamatkan.” Jadi, bagaimana mereka dapat menyeru kepada-Nya sedangkan mereka tidak beriman kepada-Nya? Dan bagaimana mereka dapat beriman kepada-Nya sedangkan mereka tidak pernah mendengar tentang-Nya? Dan bagaimana mereka dapat mendengar sedangkan tiada sesiapa pun yang menghabarkan tentang-Nya? Dan bagaimana orang dapat mengajar kecuali dihantar? Sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci, “Alangkah indahnya kaki mereka yang membawa berita baik!” Akan tetapi, tidak semua yang mahu menerima berita Injil itu. Sebagaimana kata Yesaya, “Tuhan, siapa yang percaya akan perkhabaran yang kami sampaikan?” Oleh itu, iman datang daripada mendengar perkhabaran itu, dan perkhabaran itu didengar melalui sabda Kristus.

BUDGET:

Kewangan yang telah digunakan untuk menjayakan Pelayanan Misi dan Penginjilan ini sebanyak RM800.00 untuk menyokong Pelayanan Kebaktian Kebangunan Rohani.

Disediakan oleh,

Anna anyus

Anna Anyus Juining

(selaku ketua Pelayanan Misi dan Penginjilan)